

PELAKSANAAN SUBJEK HUBUNGAN ETNIK TANPA PEPERIKSAAN AKHIR DI UiTM CAWANGAN MELAKA

Noor Aziera binti Mohamad Rohana,¹ Siti Nurul Izza binti Hashim,² Norafifah binti Ab Hamid,³ Mohd Faizal bin P. Rameli⁴ & Norizah binti Mohamed @ Haji Daud⁵

E-JITU

Acceptance date:
15 December 2019

Valuation date:
15th Jan 2020

Publication date:
6th May 2020

ABSTRAK

Pendidikan merupakan wadah utama pembangunan modal insan yang perlu diberi perhatian oleh pelbagai pihak. Penekanan terhadap aspek pendidikan dapat melahirkan semangat cintakan agama, bangsa dan tanah air, iaitu melalui mata pelajaran seperti sejarah dan ketamadunan. Lazimnya di peringkat pengajian tinggi, antara mata pelajaran yang berkaitan dengan tujuan ini adalah subjek 'Hubungan Etnik'. Selain institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang ada di Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak ketinggalan dalam menetapkan subjek Hubungan Etnik sebagai subjek wajib dan perlu diambil oleh pelajar-pelajarnya di seluruh cawangan, termasuklah cawangannya di Melaka. Pengajaran dan pembelajaran subjek Hubungan Etnik masa kini menjadi satu cabaran besar kepada para pensyarah untuk menarik minat para pelajar. Cabaran ini semakin dirasai apabila berlakunya perubahan dalam rangka kursus Hubungan Etnik di UiTM di mana ia dilaksanakan tanpa peperiksaan akhir bermula semester Mac-Julai 2018. Namun begitu, silibus tanpa peperiksaan ini tetap penting kerana para pelajar bukan semata-mata dinilai dari sudut akademik semata-mata, bahkan akan diuji dengan pendekatan penilaian berterusan untuk sepanjang semester. Keadaan ini mewujudkan kesukaran dalam menilai keberkesanan isi kandungan kursus dalam kalangan para pelajar. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan kepentingan subjek Hubungan Etnik terhadap pembinaan negara bangsa di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menghuraikan pendekatan-pendekatan yang digunapakai dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Hubungan Etnik di UiTM Cawangan Melaka. Kajian kualitatif ini dilakukan menggunakan kaedah pengumpulan maklumat dari dokumen-dokumen yang berautoriti di UiTM. Data-data yang dikumpul melalui proses pengkodan dan dianalisa secara induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa subjek Hubungan Etnik adalah penting dalam pembentukan negara bangsa

¹ Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia.

² Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia.

³ Pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia.

⁴ Pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia.

⁵ Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia.

walaupun kaedah pelaksanaannya tanpa peperiksaan akhir. Kaedah penilaian subjek ini mendedahkan para pelajar kepada kepelbagaian sumber ilmu berkaitan sejarah, kepelbagaian bangsa dan juga kemahiran yang lebih dikenali sebagai soft-skill.

Kata kunci: Hubungan Etnik, sejarah, bangsa, perpaduan, ilmu, kemahiran.

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan saluran penting bagi melahirkan kecintaan sesebuah masyarakat kepada agama, bangsa dan tanahair. Di Malaysia, kecintaan ini dipupuk ke dalam jiwa rakyat melalui medium pendidikan, khususnya subjek sejarah dan ilmu yang berkaitan dengannya. Umumnya, subjek sejarah merupakan salah satu subjek teras dalam pelbagai peringkat institusi pengajian di Malaysia, tidak kira di peringkat sekolah mahu pun institusi pengajian tinggi. Pendidikan sejarah perlu dipelajari dan dititikberatkan oleh semua pihak agar dapat mencegah peristiwa-peristiwa lampau yang negatif berulang semula bagi mendepani perkembangan semasa. Pendidikan sejarah bagi peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) adalah subjek standard dan diwajibkan kepada semua mahasiswa mahasiswi berdaftar. Pendekatan subjek sejarah ini diselaraskan melalui silibus ‘*Hubungan Etnik*’ dan ‘*Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*’. Ini bermakna, penekanan terhadap sejarah asal-usul bangsa dan tamadun dunia adalah sentiasa dititikberatkan dalam bidang pendidikan supaya dapat memacu pembinaan bangsa bertamadun.

Penyelarasan subjek ini membuktikan institusi pengajian tinggi negara memainkan peranan yang amat penting dalam usaha mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara maju yang berdaya saing serta berfikiran inovatif. Pembinaan insan dilaksanakan secara sistematik sebagai proses lengkap bagi membentuk tenaga manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. Selaras dengan keperluan tersebut, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia juga telah melakukan semakan terhadap kurikulum penawaran Mata Pelajaran Wajib (MPW) di semua institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini. Mata Pelajaran Umum (MPU) telah diperkenalkan berteraskan falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial. Oleh yang demikian, MPU diperkenalkan dengan menambah baik struktur mata pelajaran wajib agar ianya lebih berstruktur dengan matlamat dapat meningkatkan kualiti insan sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Mata Pelajaran Umum dibahagikan kepada empat kelompok, iaitu penghayatan falsafah, nilai dan sejarah (U1), penguasaan kemahiran insaniah (U2), perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia (U3) dan kemahiran

pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum (U4). Antara senarai kursus kelompok U1 ialah *Hubungan Etnik* dan *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* (TITAS). Skop penawaran kursus ini adalah bertujuan untuk membentuk atau memupuk mahasiswa-mahasiswi mempunyai pengetahuan serta penghayatan terhadap sejarah Malaysia dan nilai-nilai murni. Objektif penawaran kursus kelompok U1 adalah melahirkan pelajar yang berpengetahuan mengenai warisan dan sejarah negara, serta memperlihatkan nilai-nilai murni dalam interaksi dengan masyarakat.

KEPENTINGAN KURSUS HUBUNGAN ETNIK DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Negara Bangsa (*Nation Building*) merupakan satu proses melahirkan bangsa baru, iaitu sesebuah negara yang mempunyai kedaulatan di mana semua rakyatnya disatukan melalui bahasa, budaya dan nilai-nilai yang membentuk bangsanya. Matlamat utama pembinaan negara bangsa adalah untuk melahirkan perasaan taat setia dan perpaduan terhadap sesuatu bangsa. Namun begitu, persoalan tentang pembinaan negara bangsa masih berlegar dalam perbahasan para sarjana pada masa kini.

Malaysia masih bergelut dan berusaha untuk membentuk sebuah negara bangsa yang sempurna. Walau bagaimanapun, terdapat unsur-unsur penghalang yang kebanyakannya berakar umbi daripada sentimen perkauman dan masih membelenggu sebahagian rakyat negara ini termasuklah para pemimpin politik yang sepatutnya menjadi *role model* bagi mencapai matlamat pembinaan negara bangsa. Justeru itu, pembinaan negara bangsa Malaysia berdasarkan acuan sendiri perlu dilaksanakan melalui pelbagai saluran, terutamanya kursus hubungan etnik sebagai wahana utama membentuk perpaduan dalam kalangan pelbagai etnik (Chew Fong Peng, 2006).

Kursus *Hubungan Etnik* mula diperkenalkan sebagai kursus wajib di seluruh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bermula 2005 bertujuan memberikan kesedaran dan penghayatan dalam mengurus kepelbagaian, mengamalkan nilai-nilai murni, memupuk jati diri kebangsaan dan menerima kepelbagaian sosio-budaya pelbagai etnik di Malaysia ke arah masyarakat harmoni. Mulai tahun 2013, kursus ini juga telah diwajibkan kepada seluruh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Kursus *Hubungan Etnik* ini merupakan satu strategi penting dalam usaha kerajaan untuk menghasilkan sebuah negara bangsa yang bersatu padu di mana rakyatnya hidup aman dan harmoni. Tambahan pula, matlamat kursus *Hubungan Etnik* berperanan sebagai pembugar keharmonian sosial dalam kalangan pelajar yang telah diterapkan melalui kokurikulum, aktiviti kolej kediaman, aktiviti sukan dan sambutan hari kebesaran negara (Nazri Muslim, Fazilah Idris, Rozita Ibrahim et. al, 2017).

Pembentukan sebuah negara bangsa, sejarah dan latar belakang sesebuah masyarakat perlu diberi perhatian utama dalam pembangunan masyarakat. Hal ini kerana, proses tersebut mengambil jangka masa yang cukup panjang untuk mewujudkan satu generasi yang boleh dilabelkan sebagai satu negara bangsa. Proses ini juga melibatkan komitmen yang berterusan dari satu generasi ke satu generasi yang baharu. Generasi lama dilihat sebagai pengasas kepada terbentuknya kedaulatan bangsa Malaysia hari ini. Manakala, generasi baharu pula adalah penyambung warisan dan tradisi yang telah dipelopori oleh generasi yang lebih awal. Oleh itu, adalah menjadi amanah dan tanggungjawab generasi baru untuk meneruskan segala usaha dan titik peluh yang telah diperjuangkan oleh generasi lama. Menjangkau era yang serba kompetitif kini, generasi baharu seharusnya menyuburkan segala warisan yang telah ditinggalkan oleh generasi terdahulu (Mohd Hairul Anuar Razak, Jayum A. Jawan, Adlina Abd. Halim et. al 2013).

Jika diteliti, penghayatan identiti nasional dalam kalangan pelbagai etnik di institusi pengajian tinggi (IPT) dilihat kurang, khususnya pelajar bukan Melayu yang kurang menunjukkan sikap positif terhadap proses pembinaan negara bangsa. Pelajar Melayu pula dilihat masih mempunyai sikap negatif terhadap bangsa atau elemen-elemen kebangsaan apabila menyifatkan Hari Kebangsaan adalah hari cuti umum semata-mata. Usaha kerajaan memperkenalkan kursus *Hubungan Etnik* adalah sangat tepat untuk mendidik generasi pelbagai kaum agar mereka sentiasa peka dan bersedia untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian kaum pada masa akan datang.

Selain itu, kursus *Hubungan Etnik* mampu melahirkan masyarakat yang mengetahui asal usulnya. Pembelajaran mengenai sejarah kewujudan dan kepelbagaian etnik di Malaysia akan mempersiapkan generasi yang mempunyai pengetahuan berkaitan asal usul nenek moyang mereka. Di samping itu, setiap etnik seharusnya faham mengenai latar belakang struktur sosial dan budaya masing-masing termasuklah kepelbagaian etnik, perbezaan kelas sosial dan politik serta menghormati kontrak sosial yang telah dipersetujui ketika mencapai kemerdekaan.

Kursus *Hubungan Etnik* memainkan peranan penting dalam mendidik warganegara agar menghormati perlembagaan khususnya kontrak sosial antara kaum. Hal ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan dan memberi kesedaran agar setiap kaum menghormati beberapa perkara yang telah menjadi dasar kepada kontrak sosial. Tambahan pula, kontrak sosial yang dipersetujui bersama ini seharusnya tidak dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Formula kontrak sosial antara kaum telah dipersetujui oleh semua pemimpin berbilang bangsa ketika negara mencapai kemerdekaan.

Usaha dan formula terbaik yang ditunjukkan dalam kontrak sosial ini terbukti telah mewujudkan keseimbangan sosial di antara masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Kaum bukan Melayu perlu ikhlas menerima kenyataan bahawa orang Melayu adalah pemilik sah negara ini dan tidak boleh dipersoalkan lagi. Kaum bukan Melayu juga perlu memahami kedudukan politik Melayu atau sistem kenegaraan Melayu dan pengaruhnya kepada negara. Manakala hak orang bukan Melayu tidak boleh disangkal kerana mereka telah lama bermastautin, lahir dan membesar di Malaysia. Perkara ini penting agar kedua-dua pihak saling faham-memahami dan bertoleransi antara satu sama lain (Hasnah Hussin, 2019).

Dewasa ini, isu berkaitan bangsa Malaysia telah menjadi isu penting dalam pembinaan negara bangsa yang bersatu padu, aman, berdaulat dan maju sepenuhnya menerusi Wawasan 2020. Tambahan pula, etnik di Malaysia sewajarnya hidup aman damai tanpa dipisahkan oleh elemen-elemen sempit khususnya etnik, kebudayaan dan kepercayaan. Bahkan, dalam proses adaptasi dan pengubahsuaian yang berlaku dalam membentuk budaya bangsa Malaysia telah wujud pengorbanan dari pelbagai etnik yang perlu dihargai serta dihayati bersama oleh warganegara Malaysia terutamanya generasi pada hari ini.

Justeru itu, penting bagi setiap kaum mempelajari kursus *Hubungan Etnik* agar dapat memberi kesedaran kepada setiap warganegara bahawa di antara mereka, ada persamaan yang boleh dikongsi bersama seperti hak-hak asasi sebagai warganegara. Manakala dari segi perbezaan pula merangkumi perbezaan kepercayaan, agama, budaya dan bahasa. Kursus *Hubungan Etnik* perlu bagi memastikan hubungan antara kaum di Malaysia berjalan lancar dan harmoni. Kepelbagaian kaum sudah tentunya memberi kesan kepada kepelbagaian bahasa dan sudah tentunya setiap kaum bangga dengan bahasa ibunda masing-masing.

Bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi antara manusia. Setiap kaum saling melengkapi antara satu sama lain walaupun berbeza bahasa. Kaum Melayu akan merasa lebih senang dan selesa apabila didatangi oleh kaum India dan kaum Cina yang pandai berbahasa Melayu serta merta tertarik untuk berinteraksi dengan kaum tersebut. Begitu juga kaum Cina dan kaum India yang berhadapan dengan kaum Melayu. Secara tidak langsung interaksi yang berlaku antara kaum mampu meniupkan semangat perpaduan dan menyedarkan setiap kaum bahawa di antara mereka mempunyai persamaan dan perbezaan yang menguatkan lagi hubungan mereka.

Tambahan, negara kini semakin dihujani dengan pelbagai isu dan cabaran semasa hasil perkembangan dunia dan globalisasi. Kesannya, sesuatu perkara atau peristiwa yang berlaku di negara luar boleh begitu cepat tular ke negara ini. Oleh yang demikian, isu dan cabaran seperti politik berunsur perkauman boleh menjadi

sebuah masalah besar kepada negara. Isu sebegini seharusnya perlu diatasi dengan bijak dan tidak sewajarnya isu tersebut dilihat dari perspektif perkauman. Setiap kaum sewajarnya melihat apa sahaja isu yang berlaku berdasarkan perspektif nasional dan seterusnya memberikan komitmen yang tinggi terhadap pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu, serta mengimpikan masa depan dan matlamat yang dikongsi bersama.

Selain itu, contoh yang dapat dilihat dari perspektif sosial pula seperti pemisahan penempatan, pengasingan pendidikan, perbezaan dan pertentangan nilai antara etnik dari segi agama, bahasa dan kebudayaan. Manakala dari segi ekonomi pula, terdapatnya perbezaan dalam sektor pekerjaan serta dominasi ekonomi oleh sesuatu kaum. Keadaan ini merupakan halangan kepada proses perpaduan kaum di Malaysia. Masalah ini telah muncul sejak sekian lama dan masih berakar umbi dalam kalangan masyarakat Malaysia sehingga ke hari ini walaupun negara telah merdeka.

Pendedahan kursus *Hubungan Etnik* kepada generasi muda pada hari ini dapat membantu dalam membina negara bangsa. Hal ini kerana kursus tersebut dapat memberi pendedahan kepada mereka supaya peka dengan isu-isu hubungan etnik di negara ini. Selain itu, kursus ini juga mampu memupuk rasa kekitaan dan saling memahami di antara satu sama lain. Bahkan, pendedahan terhadap konflik-konflik etnik yang berlaku sebelum ini akan memberi kesedaran kepada generasi muda tentang perlunya setiap kaum mengelakkan daripada menimbulkan isu-isu sensitif yang boleh merosakkan hubungan antara kaum (Hasnah Hussin, 2019).

Akta Pendidikan 1995 turut menekankan kepentingan ilmu sebagai penentu utama arah tujuan negara dan penyelamat bangsa. Selain itu, akta tersebut turut menegaskan peri penting Dasar Pendidikan Kebangsaan yang akan diterapkan melalui sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan negara dalam pelbagai bidang. Integrasi nasional menjadi persoalan yang sangat rumit dan menyukarkan proses pembinaan negara bangsa. Justeru, Dasar Pendidikan Kebangsaan dijadikan sebagai alat utama bagi merealisasikan integrasi nasional merangkumi kesedaran sejarah, toleransi dan kepekaan masyarakat untuk berkongsi tanggungjawab terhadap masa depan negara. Bahkan, generasi pewaris negara diharapkan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara khususnya dalam usaha memupuk semangat kekitaan dan perpaduan (Mohamad Rodzi Abd Razak, 2009).

Jika diteliti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia juga telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi 2015-2025 (PPPM-PT) yang berhasrat untuk mentransformasikan pendidikan tinggi di Malaysia. PPPM-PT telah menekankan aspirasi sistem yang dirangka berlandaskan lima aspirasi iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Selain itu, PPPM-PT menegaskan bahawa tidak ada satu pun kaedah khusus yang diterima dengan meluas untuk mengukur tahap perpaduan. Walau bagaimanapun, kementerian komited untuk memastikan enrolmen di IPT menggambarkan perpaduan dalam kepelbagaian kaum di Malaysia. Tujuannya adalah untuk membentuk sistem pendidikan yang membolehkan pelajar memahami nilai bersama serta berkongsi pengalaman dan aspirasi. Selain itu, bagi aspirasi pelajar, PPPM-PT menjadikan Falsafah Pendidikan Negara sebagai asas kepada pendidikan seimbang serta menekankan keseimbangan antara ilmu dan akhlak, etika dan kerohanian, kepemimpinan, jati diri kebangsaan, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2015).

Secara keseluruhannya, membina sebuah negara bangsa yang sempurna bukanlah satu perkara yang mudah di Malaysia. Kepelbagaian komuniti etnik dari latar sejarah, bahasa dan budaya yang berbeza menyumbang kepada persoalan yang kompleks. Namun begitu, di sebalik kesukaran terdapat sesuatu yang tidak mustahil dikecapi sekiranya pengalaman sejarah disalurkan secara sistematik melalui pendidikan. Bahkan, setiap masyarakat perlu menghayati kursus Hubungan Etnik agar negara aman dan harmoni.

PELAKSANAAN SUBJEK HUBUNGAN ETNIK DI UiTM

Sejak zaman pentadbiran kolonial Inggeris, pendidikan telah menjadi medium utama menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat tempatan. Di era kontemporari ini, UiTM yang merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam terbesar di Malaysia tidak ketinggalan dalam menawarkan peluang pendidikan kepada kaum Bumiputera khususnya bidang profesional dan separa profesional. UiTM bermula dengan penubuhannya sebagai Dewan Latihan RIDA (1956) dan bertukar menjadi Maktab MARA (1965). Maktab MARA kemudiannya dinaiktaraf menjadi Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1967 dan sekali lagi dinaiktaraf menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 26 Ogos 1999. Penaiktarafan UiTM ini menjadikan institusi ini turut berkembang pesat dengan aspirasi global menjadi universiti bertaraf dunia seiring dengan perkembangan institusi-institusi pendidikan lain yang ada di Malaysia. Ketika itu, UiTM telah pun mempunyai sebanyak 24 buah fakulti dan 296 program di bawah tiga gugusan utama, iaitu: Sains & Teknologi, Sains Pengurusan dan Perniagaan serta Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan bilangan pelajar yang melebihi 140,000 orang yang ditempatkan di kampus Induk Shah Alam dan lebih 14 kampus-kampus cawangan di seluruh negara (Muhamad Rahimi Osman, 2010).

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam, UiTM turut menawarkan kursus pengajian umum yang dikenali sebagai kursus universiti dan dibahagikan kepada tiga komponen, salah satunya ialah kursus Pendidikan Islam dan Tamadun Islam yang dikelolakan oleh Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).

CITU yang melalui beberapa fasa penaiktarafan diasaskan daripada Unit Agama pada 3 Mac 1971 dengan menawarkan kepada kepada mahasiswa-mahasiswa kursus Pendidikan dan Tamadun Islam serta membantu siswa-siswi melengkapkan diri dengan pengetahuan asas agama di samping menyelesaikan masalah yang sentiasa berbangkit dalam kalangan pelajar. Dorongan ke arah memperkenalkan kursus mata pelajaran Islam kepada siswa-siswi ITM mula lantang disuarakan sejak awal tahun 1972. Oleh yang demikian, penawaran secara formal kepada siswa-siswi ITM Shah Alam dilaksanakan pada pertengahan tahun 1975. Mata pelajaran ini dikenali sebagai Tamadun Islam dan dikendalikan oleh Unit Agama, Hal Ehwal Pelajar.

Pengenalan kursus *Hubungan Etnik* bermula selepas pengenalan dan pelaksanaan kursus *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* (TITAS) pada tahun 1998. Kursus TITAS dikemaskini, diperluaskan skopnya dan ditukar menjadi dua komponen utama, iaitu TITAS I dan TITAS II. TITAS I berkaitan Tamadun Islam dan TITAS II berkaitan tamadun Cina, India, dan Jepun mencakupi nilai hidup peribumi serta masyarakat majmuk di Malaysia. Bermula sesi Mei 1998/1999, kursus TITAS menjadi kursus wajib di dua belas IPTA dengan pemberatan empat jam kredit. Pada tahun 2005, Kementerian Pendidikan telah merombak kursus TITAS menjadi dua bahagian, iaitu kursus TITAS dan *Hubungan Etnik*. Pelaksanaannya telah dilakukan secara berperingkat bermula kemasukan pelajar sesi Julai 2005/2006 (Nor Hayati Fatmi Talib, 2010). Namun, di IPTS ianya hanya diperkenalkan bermula pada tahun 2013 (Abd. Rashid Abdul Halim @ Jaafar, 2015).

Menurut Faridah Che Husain & Fakhroladabi Abdul Kadir (2017), kursus TITAS merupakan kursus umum yang diwajibkan ke atas seluruh pelajar universiti awam dan swasta untuk mempelajarinya. Langkah ini diambil oleh pihak kerajaan bagi melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam jurusan yang diceburi tetapi kaya dengan nilai-nilai murni. TITAS telah digubal oleh Jawatankuasa Penggubal Kursus TITAS yang dianggotai oleh wakil-wakil IPTA tempatan. Kursus ini ditawarkan kepada semua pelajar Ijazah Pertama IPTA mulai sesi akademik 1998/1999 melalui pelbagai pendekatan sesuai dengan *nature* setiap IPTA. Pada tahun 2005, kursus ini digantikan dengan kursus TITAS dan *Hubungan Etnik*. Kursus TITAS merangkumi pengajian mengenai Tamadun Islam, Melayu, Cina dan India, manakala kursus *Hubungan Etnik* menggunakan satu modul yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Dalam hal ini, Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak ketinggalan menawarkan kursus TITAS kepada para pelajar peringkat Ijazah Pertama tanpa mengira latar belakang jurusan, kaum dan agama. Setiap pelajar diwajibkan mengambil kursus ini bersamaan dengan empat (04) jam kredit (2 jam kredit/semester) bermula semester Disember 1998. Walau bagaimanapun,

Pekeliling TNC (Akademik) Bil. 3/2000 bertarikh 31 Mei 2000 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif pada 29 Mei 2000 telah mengarahkan pelaksanaan kursus Pendidikan Islam dan Tamadun Islam di peringkat Diploma dikurangkan dari enam semester (12 jam kredit) kepada tiga semester (6 jam kredit) untuk semua pelajar UiTM berkuatkuasa Semester Jun 2000. Begitu juga Pekeliling tersebut telah memberi pengecualian kepada pelajar UiTM yang telah menamatkan 3 semester kursus Pendidikan Islam dan Tamadun Islam di peringkat Diploma dari mengambil kursus TITAS I (sekarang di kenali sebagai TITAS) di peringkat Ijazah dan mereka hanya diwajibkan mengambil kursus TITAS II (sekarang telah digantikan dengan kursus Hubungan Etnik) sebagaimana termaktub dalam Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik) Bil. 3/2000 bertarikh 31 Mei 2000 (Muhamad Rahimi Osman, 2010).

Seiring dengan perkembangan semasa, pelaksanaan akademik dalam konteks MPU masa kini terus dirancang supaya memenuhi keperluan pelbagai aspek selain penekanan terhadap penguasaan fakta semata-mata. Pelaksanaan MPU masa kini semakin menepati peluang dalam meningkatkan kemahiran komunikasi, keterampilan, penghayatan nilai-nilai murni dan sejarah serta pendedahan kepada pengetahuan umum yang lebih luas skopnya melampaui batas-batas disiplin ilmu tradisional. Penekanan terhadap perluasan pengajian umum ini adalah selaras dengan cita-cita ke arah melahirkan siswazah berfikiran luas, seimbang dan holistik. Selain itu, program pendidikan sebegini bertujuan membekalkan para pelajar dengan ilmu sebagai persediaan menempuh hidup bersama masyarakat moden. Ilmu-ilmu ini merangkumi kefahaman tentang nilai-nilai mulia, sejarah dan tanggungjawab dalam masyarakat, penguasaan kemahiran insaniah, perluasan ilmu tentang Malaysia dan juga berupaya mengaplikasi ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Bagi memenuhi hasrat berkenaan, subjek MPU di UiTM yang dikelolakan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) (setelah CITU dinaiktaraf) telah pun menyahut seruan tersebut. Subjek *Hubungan Etnik* di UiTM, khususnya di Cawangan Melaka telah melalui beberapa fasa perubahan dan silibus terkini telah bermula pada semester Mac-Julai 2018. Pelaksanaan terkini ialah penilaian 100% berasaskan penilaian secara berterusan. Kaedah penilaian ini bertepatan sebagaimana yang digariskan oleh KPT iaitu pelaksanaan pentaksiran berterusan dan pentaksiran sumatif dalam kursus yang melibatkan penggunaan teknik serta pendekatan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi. Selain itu, penilaian juga berdasarkan pentaksiran secara peperiksaan yang dilaksanakan melalui ujian, pembentangan dan juga pelaksanaan projek. Penilaian juga turut dilaksanakan berasaskan persoalan dan inkuiri seperti kajian kes, penyelidikan, simulasi, refleksi, pengalaman melalui lawatan, sangkutan dan sebagainya (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Berdasarkan naskah terkini silibus *Hubungan Etnik* di UiTM yang dikemaskini dan berkuatkuasa pada tahun 2018, silibus ini merangkumi kesemua keperluan sebagaimana yang digariskan oleh KPT di samping mengikuti perkembangan semasa pendidikan era Revolusi Industri (IR4). Hal ini membuktikan UiTM juga tidak ketinggalan dalam melestarikan budaya ilmu dan teknologi sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang lain di Malaysia. Keadaan ini bukan sahaja memberi kelebihan kepada mahasiswa-mahasiswi, bahkan menggalakkan warga akademik untuk turut serta memperkembangkan bakat dan mengasah kemahiran masing-masing dalam memenuhi era pendidikan moden negara.

Namun begitu, walaupun pelaksanaannya berbeza dengan pendekatan pendidikan subjek sejarah tradisional, asas bagi subjek ini tetap memfokuskan kepada hasil pembelajarannya, iaitu menggalakkan siswa-siswi UiTM menguasai pelbagai kemahiran, termasuklah berfikiran kreatif dan kritis dalam membincangkan isu-isu semasa serta cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia, menggalakkan siswa-siswi menilai kepentingan jati diri kebangsaan dan kesukarelaan bagi mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab serta galakan membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik berasaskan nilai-nilai murni di Malaysia. Pembelajaran subjek ini memfokuskan kepada pembinaan kemahiran kritis dalam menyelesaikan masalah, memupuk pembentukan akhlak dan moral profesional dalam diri siswa-siswi serta melatih siswa-siswi menguasai dan mengasah kemahiran komunikasi bagi mempersiapkan mereka dengan dunia industri yang semakin mencabar era ini. Pelaksanaan kursus *Hubungan Etnik* di UiTM ini merangkumi beberapa domain seperti kognitif (intelektual), psikomotor (jasmani) dan afektif (emosi dan rohani) yang menyokong kepada sasaran serta pencapaian yang telah digariskan oleh pihak jawatankuasa induk fakulti dan juga universiti (Mohd Asri Abdullah, 2018).

Bagi tujuan itu, antara strategi yang terkandung dalam silibus ini ialah mendedahkan siswa-siswi dengan kaedah penerokaan semasa menyelesaikan kajian kursus mereka, menggalakkan pembelajaran sendiri melalui jaringan telekomunikasi, program akademik atau lain-lain serta tidak ketinggalan penilaian berbentuk formatif atau pentaksiran. Dari sudut penilaian pula, penilaian pemarkahan menjurus kepada penilaian berterusan sepanjang semester iaitu 100%. Sebanyak 15% markah dibahagikan untuk hasil pembentangan yang dinilai dari segi kemahiran komunikasi, kemahiran berkumpulan serta etika dan moral profesional pelajar, 20% penilaian bagi pembelajaran di atas talian atau MOOC, iaitu melibatkan aktiviti perbincangan topik serta kuiz, 25% pemarkahan untuk laporan kerja lapangan, video atau apa sahaja dokumentasi berkaitan. Sebanyak 40% berbaki merupakan ujian atau pentaksiran bertulis yang dilaksanakan sebelum peperiksaan akhir bermula (Mohd Asri Abdullah, 2018). Hal ini secara

tidak langsung dapat mengurangkan bilangan kertas peperiksaan yang perlu diambil oleh para pelajar ketika musim peperiksaan berlangsung.

Umumnya, masyarakat Malaysia telah sebatimomokkan dengan kejayaan pelajar-pelajar yang dinilai berdasarkan pentaksiran berbentuk tradisional melalui sistem peperiksaan. Sistem peperiksaan telah lama menjadi satu garis panduan yang digunakan bagi mengukur pencapaian dan kecemerlangan pelajar dalam sistem pendidikan. Bagi keberkesanan subjek sejarah, Mohd Rodzi Abd Razak (2009) berpandangan bahawa kaedah meningkatkan keberkesanan kesedaran dan pemahaman memerlukan subjek sejarah bukan sahaja diajar sebagai alat memenuhi keperluan negara semata-mata, bahkan sebagai disiplin akademik yang boleh memberi kesan dan penghayatan kepada para pelajar. Hal ini membuktikan bahawa metodologi penguasaan ilmu sejarah bukan sahaja boleh dinilai melalui sistem peperiksaan semata-mata, bahkan terdapat pelbagai penilaian alternatif lain yang menjadi asasnya. Noor Azreen Abd Aziz (2019) dalam penulisannya bertajuk *Pentaksiran Alternatif: Menuju ke Arah Transformasi Sistem Pentaksiran di Malaysia* menghuraikan bahawa pembangunan modal insan boleh dilakukan dengan merangka strategi pembaharuan kepada struktur kurikulum pendidikan kebangsaan dan juga sistem pentaksiran kebangsaan.

Pelaksanaan Subjek Hubungan Etnik di UiTM Cawangan Melaka

Umumnya, subjek *Hubungan Etnik* di institusi pengajian tinggi UiTM termasuklah Cawangan Melaka yang dilaksanakan tanpa peperiksaan akhir masih lagi relevan dan memenuhi standard sebuah pentaksiran. Pentaksiran ialah langkah menentukan sejauh mana seseorang mempunyai sifat tertentu dari segi tahap keupayaan, status dan juga nilai. Ringkasnya, pentaksiran merupakan integrasi dalam proses mengumpul maklumat, menginterpretasi maklumat atau memberi nilai kepada maklumat itu dan membuat keputusan berdasarkan interpretasi yang dibuat ke atas maklumat. Konsep penaksiran ini memerlukan konsep pengukuran yang memberikan nilai angka kepada ciri dan juga hasil pembelajaran seterusnya dilengkapi dengan konsep penilaian. Penilaian ialah konsep membuat pertimbangan dan keputusan mengenai prestasi pelajar berdasarkan standard tanda aras yang dinyatakan oleh kriteria prestasi dan sasaran prestasi bagi sesuatu hasil pembelajaran berdasarkan bukti yang diperoleh melalui proses pentaksiran (Nadzri Mohd Sharif, 2018).

Kesimpulannya, walaupun berlaku perubahan dalam aspek penilaian terhadap para pelajar, pelaksanaan subjek *Hubungan Etnik* di UiTM Cawangan Melaka terbukti masih lagi tertakluk kepada beberapa bentuk penilaian, iaitu penilaian berbentuk formatif dan penilaian berbentuk sumatif. Penilaian formatif merujuk kepada sistem penilaian yang sistematik semasa sesi pengajaran dan

pembelajaran berlangsung. Kaedah ini dilaksanakan melalui ujian formal dan tidak formal serta membolehkan para pensyarah menyampaikan pendidikan secara langsung berkaitan silibus dan memacu pembentukan modal insan di samping memenuhi pembahagian markah sebanyak 15% pembentangan yang meliputi kemahiran komunikasi, berpasukan dan pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, penilaian ini juga memenuhi pemarkahan 25% penulisan kertas kerja dan juga 20% aktiviti di atas talian yang selaras dengan perkembangan semasa era Revolusi Industri 4.0. Pertemuan empat mata di antara pensyarah, mahasiswa dan mahasiswi ini juga masih menepati adat dalam pendidikan tradisional yang dilaksanakan sejak dahulu lagi.

Seterusnya, kaedah kedua yang diaplikasikan dalam ruang penilaian subjek *Hubungan Etnik* di UiTM Cawangan Melaka ialah penilaian berbentuk sumatif yang menekankan kepada proses pengumpulan maklumat untuk kesan terhadap pencapaian kursus secara keseluruhan. Kaedah ini dilaksanakan dengan memenuhi pemarkahan ujian pentaksiran bertulis sebanyak 40% di akhir semester. Pelaksanaan ujian ini penting sebagai bukti keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran subjek *Hubungan Etnik* di samping menjadi maklum balas terhadap prestasi pencapaian pelajar sepanjang semester berlangsung. Di samping itu, penilaian kaedah sumatif ini juga menentukan gred yang dicapai oleh para pelajar bagi subjek ini sekaligus memberi kesan terhadap pencapaiannya sepanjang pengajian (Nadzri Mohd Sharif, 2018).

MATLAMAT PEMBELAJARAN HUBUNGAN ETNIK DI UiTM CAWANGAN MELAKA

Matlamat penting dalam pembelajaran *Hubungan Etnik* di UiTM Cawangan Melaka antara lain ialah:

- i. Membina insan bertakwa, beretika, berintegriti dan berakauntabiliti.

Warga universiti merupakan aset penting pada pembangunan negara pada masa hadapan. Kepemimpinan yang berintegriti merupakan tonggak kepada kestabilan sesebuah negara. Oleh itu, usaha perlu dilaksanakan bagi menyemai dan memantapkan integriti dalam kalangan para pelajar semasa mengikuti pengajian di universiti. Unsur-unsur keimanan, taqwa, etika, integriti dan bertanggungjawab ini dapat diterapkan melalui penawaran kursus-kursus dan penganjuran program-program yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran. Antaranya ialah program kerohanian, kesedaran ancaman rasuah kepada keselamatan negara, kursus bina negara, program khidmat komuniti, acaman dadah, kemahiran etiket sosial, kesedaran alam sekitar, kesedaran keselamatan dalam negara, kesedaran kesejahteraan hidup, pengurusan

dan penjagaan harta benda awam dan kesedaran undang-undang (Muhamad Rahimi Osman, 2010).

- ii. Membina insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan.

Pemantapan pembangunan sahsiah pelajar universiti turut juga melibatkan usaha membina insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan. Aspek ini membolehkan pelajar menjana pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang dimiliki ke arah membina kepemimpinan yang berkesan. Oleh itu, bagi meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan keterampilan pelajar, pelbagai usaha dapat dilaksanakan antaranya ialah melalui penawaran kursus-kursus seperti; kemahiran belajar, penjaan pemikiran kreatif dan kritis, kemahiran pengucapan awam, kemahiran merancang dan membuat keputusan, kemahiran pengurusan diri berkualiti, kemahiran berkomunikasi interpersonal, kemahiran pengurusan konflik dan stres, kemahiran dalam penggunaan ICT semasa pembelajaran, kemahiran meneroka kerjaya dan kemahiran dalam menangani isu-isu dalam dan luar negara. Program-program seperti ini dapat membentuk dan meningkatkan daya kepemimpinan dalam kalangan para pelajar (Muhamad Rahimi Osman, 2010).

- iii. Memantapkan hubungan kaum/etnik dan persefahaman agama di kalangan pelajar.

Pelajar universiti terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan budaya. Secara tidak langsung ia dapat menggambarkan corak hubungan etnik dan persefahaman agama seperti mana yang terdapat di luar kampus. Oleh itu, universiti perlu memainkan peranan dalam usaha mewujudkan kefahaman dan memantapkan hubungan kaum, etnik dan agama dalam kalangan pelajar melalui pelaksanaan program-program yang formal dan berstruktur seperti penawaran kursus TITAS, *Hubungan Etnik*, penganjuran kempen budi bahasa, meningkatkan kefahaman agama, program integrasi kaum, karnival kebudayaan antara kaum, kefahaman silang budaya dan lawatan integrasi (Muhamad Rahimi Osman, 2010).

- iv. Mengembangkan budaya kreatif, inovasi dan keusahawanan.

Pembangunan pelajar tidak lengkap sekiranya semua elemen kemahiran insaniah (*soft skills*) seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, budaya kreatif, berinovasi dan keusahawanan tidak diterapkan bagi membolehkan para pelajar menyalurkan potensi diri dengan positif. Unsur-unsur ini penting bagi membolehkan para pelajar membuat persediaan bagi menghadapi cabaran sebenar selepas menamatkan pengajian di peringkat universiti. Aspek ini dapat dilaksanakan melalui penawaran kursus-kursus dan penganjuran program-program yang boleh menjana kreativiti dan inovasi, kefahaman mengenai

keusahawanan, kefahaman dan pendedahan kepada perniagaan sebenar, kefahaman prosedur kewangan dan program siswazah niaga (Muhamad Rahimi Osman, 2010).

Penerapan keempat-empat unsur ini penting dalam usaha melahirkan pelajar yang bertakwa, beretika, berintegriti dan berakauntabiliti, berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan serta memiliki budaya kreatif, inovatif dan keusahawanan. Garapan keempat-empat perkara di atas dengan sempurna mampu memberikan impak dalam melahirkan modal insan yang bersepadu dan dinamik serta mampu memberikan sumbangan kepada kemajuan negara pada masa hadapan (Muhamad Rahimi Osman, 2010).

Pelaksanaan kursus *Hubungan Etnik* di UiTM juga dapat membuahkan tiga hasil utama kepada para pelajar (Mohd Asri Abdullah, 2018) iaitu:

- i. Pelajar dapat membincangkan isu dan cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia.

Perkara ini dapat dicapai melalui perbincangan berdasarkan keseluruhan topik dalam kursus *Hubungan Etnik*. Perbincangan berlaku melalui kuliah interaktif secara langsung dalam bilik kuliah dan e-pembelajaran atau di UiTM, medium tersebut dikenali sebagai i-learn. Di ruangan i-learn, diskusi berlaku antara para pelajar dan pensyarah dan pelajar diperuntukkan 20% markah. Selain itu, perbincangan ini juga berlaku dalam kalangan kumpulan aktiviti pelajar kerana kebiasaannya tugas diberikan dalam bentuk berkumpulan.

- ii. Pelajar dapat menilai kepentingan jati diri kebangsaan dan kesukarelaan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab.

Perkara ini dapat dicapai melalui kuliah interaktif secara langsung, melalui e-pembelajaran dan tugas kajian lapangan yang dijalankan ke atas masyarakat setempat. Ini kerana dalam setiap kuliah yang dijalankan para pensyarah akan menghubungkan isu-isu semasa atau realiti yang berlaku dengan aspek kepercayaan agama, adat budaya dan jatidiri. Analisis isu semasa juga akan berlaku dalam diskusi-diskusi atas talian yang dijalankan melalui i-learn. Selain itu, kajian lapangan yang dijalankan juga dapat membantu para pelajar memahami isu semasa dan menghubungkannya dengan realiti masyarakat. Contohnya kajian lapangan yang bertajuk “Adat dan Budaya Masyarakat Melayu di Negeri Melaka: Cabaran di Era Kontemporari”. Sehubungan itu, pelajar akan memilih beberapa lokasi seperti Kampung Morten dan menjalankan temubual ke atas beberapa responden yang dipilih.

- iii. Pelajar dapat membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik berasaskan nilai murni di Malaysia.

Perkara ini dapat dicapai khususnya melalui kajian lapangan yang ditugaskan kepada para pelajar. Tugas berkumpulan diberikan untuk menjalankan kajian lapangan ke atas masyarakat setempat yang melibatkan pelbagai latar belakang sejarah, masyarakat, etnik dan budaya serta menuntut para pelajar untuk menguasai kemahiran komunikasi sosial dengan baik. Ini kerana dalam usaha mendapatkan maklumat, para pelajar perlu menjalankan temu bual di samping membuat pemerhatian ke atas lokasi kajian. Contohnya kajian lapangan bertajuk “Adat dan Budaya Masyarakat Chetti di Negeri Melaka”. Sehubungan itu, pelajar akan pergi ke lokasi kajian seperti Muzium Chetti di Gajah Berang Melaka dan menjalankan temubual ke atas beberapa responden yang dipilih.

Selain menguasai kemahiran komunikasi sosial para pelajar dapat memahami realiti adat dan budaya etnik-etnik yang ada sekaligus menyuntik kesedaran tanggungjawab sosial dalam diri mereka. Hasil daripada kajian lapangan tersebut perlu disediakan dalam bentuk laporan penyelidikan dengan peruntukan markah sebanyak 25% dan perlu juga dibentangkan dalam bilik kuliah dengan peruntukan markah sebanyak 15%.

Berdasarkan pengalaman UiTM dalam melaksanakan kursus *Hubungan Etnik*, jelas dapat dinyatakan bahawa kursus ini sangat penting dalam pembangunan negara kerana ia merupakan usaha ke arah melahirkan golongan Melayu dan Bumiputera profesional yang kaya dengan budi pekerti mulia dan saling menghormati kepelbagaian adat budaya yang ada di Malaysia. Para graduan lepasan UiTM bukan sahaja perlu mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang tetapi perlu menguasai kemahiran insaniah dan mempunyai nilai keperibadian yang tinggi bagi menjamin keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.

KESIMPULAN

Penekanan ilmu sejarah terhadap generasi muda, khususnya para pelajar sama ada di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi adalah penting bagi membina dan memastikan sesebuah negara sentiasa unggul. Selari dengan perkembangan semasa dunia yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran daripada dalam mahupun luar negara, sejarah tidak seharusnya tertumpu kepada aspek pengetahuan semata-mata. Dewasa kini, penekanan sejarah dalam aspek pendidikan perlu menitikberatkan juga pelbagai disiplin ilmu termasuklah praktikal supaya dapat diamalkan oleh generasi muda. Sebagai contoh ilmu dalam berkomunikasi, ilmu dan kemahiran teknikal, praktikal, kemahiran berfikir dan sebagainya. Pendedahan kepada sejarah-sejarah tamadun utama dunia adalah sebagai usaha

dalam mengambil iktibar berkenaan pusingan kegemilangan dan kejatuhan sesebuah tamadun.

Bagi mencapai hasrat ini, seluruh IPTA dan IPTS termasuklah UiTM, khususnya bagi Cawangan Melaka perlulah sama-sama berganding bahu dalam membentuk peribadi yang unggul di kalangan mahasiswa mahasiswi yang bakal menerajui tampuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Pengenalan dan pelaksanaan subjek *Hubungan Etnik* sama ada dengan peperiksaan akhir atau sebaliknya perlulah sentiasa menekankan konteks pengetahuan am dan pembinaan jati diri, moral serta akhlak yang baik supaya generasi baru yang sentiasa dibentuk hari ini terdiri daripada generasi yang sentiasa mendambakan keamanan dan keharmonian antara kaum. Oleh yang demikian, sistem pendidikan negara perlulah selari dengan perkembangan dunia agar dapat melahirkan generasi dengan pembangunan yang maju dan akhlak serta moral yang positif.

RUJUKAN

- Abd. Rashid Abdul Halim @ Jaafar. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam: satu Tinjauan Terhadap Persepsi Pelajar-pelajar Jurusan Kejuruteraan Teknologi di UNIKL. *International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (iCasic 2015)*, (pp. 1-6). Kuala Lumpur.
- Chew Fong Peng (2006). Pembentukan Negara Bangsa Melalui Pendidikan Sastera. Dlm *Jurnal Pengajian Melayu*. Jil 17. Hlm: 136-168.
- Faridah Che Husain & Fakhroladabi Abdul Kadir. (2017). Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS) Terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. file:///C:/Users/Aziera/Downloads/8553-936-18005-1-10-20171107.pdf diakses pada 27 April 2019.
- Hasnah Husiin. *Menjana Modal Insan Melalui Kursus Hubungan Etnik*. <http://www.academia.edu> diakses pada 27 April 2019.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Kementerian Tinggi 2015-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2016). *Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Mohd Asri Abdullah. 2018. *Maklumat Kursus CTU553 Hubungan Etnik*. Shah Alam: ACIS UiTM Shah Alam.
- Mohd Hairul Anuar Razak, Jayum A. Jawan, Adlina Abd. Halim, Mohd Mahadee Ismail & Siti Aishah Misri. (2013). Penghayatan Dan Kesedaran Patriotisme Dalam Kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara. dlm *Malaysian Journal Of Youth Studie*. Volume 8. Hlm 1-24.

- Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dlm *Journal Of History, Politic And Strategic Studies (JEBAT)*. Vol.36. hlm: 90-106.
- Muhamad Rahimi Osman. (2010). Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM. *MALIM - SEA Journal of General Studies*.
- Nadzri Mohd Sharif. (2018). *Prinsip Penaksiran dalam Pembelajaran*. Melaka: Unit Hal Ehwal Kurikulum & Pembangunan Akademik (UCAAD), Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Melaka.
- Nazri Muslim, Fazilah Idris, Rozita Ibrahim, Rozmel Abdul Latiff, Nasruddin Yunos, Ahmad Zamri Mansor & Hasanah Abd. Khafidz. (2017). *Kursus Hubungan Etnik Sebagai Pembugar Keharmonian Sosial Pelajar: Kajian Di UKM* dlm Proceedings Of The International Conference On Islam, Development And Social Harmony In Southeast Asia Ukm. Hlm 1-15.
- Noor Azreen binti Abd Aziz & Sulaiman bin Yamin. *Pentaksiran Alternatif: Menuju ke Arah Transformasi Sistem Pentaksiran di Malaysia*. <https://www.academia.edu> diakses pada 27 April 2019.
- Nor Hayati Fatmi Talib. (2010). Pendidikan Tamadun Islam Dalam Menangani Berbilang Budaya di Malaysia, Satu Tinjauan. *International Conference of Learner Diversity (ICELD 2010)*, (pp. 183-192).